



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA TINGKAT I  
(C.3-4 EB.5)  
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA TINGKAT I  
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Geography and Development / Planning and Development / Teknikal* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancang Bandar Dan Desa sebagai Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Tingkat II atau Merinyu Perancang Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Berkemahiran dalam *Autocad* dan *Geographic Information System (GIS)* adalah kelebihan.
3. Berkemahiran dalam membaca pelan - pelan bangunan, tapak dan peta adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memproses permohonan kemajuan tanah dan bangunan, khasnya bangunan perniagaan dan perusahaan;
2. Menyediakan perangkaan permohonan kemajuan tanah dan bangunan dan perangkaan lain seperti diarahkan oleh pegawai atasan;
3. Memproses permohonan tapak projek Kerajaan dan swasta, memeriksa dan membuat penilaian teknikal mengenai dengan kesesuaian tapak;



4. Menghadiri mesyuarat/ lawatan kerja sebagaimana diarahkan oleh pegawai atasan; dan
5. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.